



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI EKONOMI (B.2 EB.3)
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
B.2 EB.3 [\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN]
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar Awam (*Public Policy*) / Ekonomi / Kewangan (*Finance*) / Matematik (*Mathematics*) / Pembangunan Dasar Ekonomi dan Antarabangsa (*Economic Policy Management and International*) / Pengurusan (*Management*) / Perangkaan (*Statistics*) / Sains Aktuari (*Actuarial Science*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI SEKRETARIAT EKSEKUTIF SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM:

1. Menjalankan tugas sebagai Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam secara amnya termasuk melaksanakan tugas yang diperuntukkan di dalam Akta Persaingan, Penggal 253;
2. Bertanggungjawab dalam memberi *input* ekonomi dan analisis kepada penyiasatan dan menjalankan penyelidikan pasaran ataupun sector (*market studies*) terutamanya bagi *high priority sectors* dalam ekonomi;
3. Menganalisa dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang berkaitan khasnya yang mempunyai impak persaingan dan seterusnya memberi *input* bagi pengeluaran nasihat Dasar (*policy advisory*) kepada pihak Kerajaan ke arah mendukung usaha Dasar Kerajaan dengan prinsip persaingan;
4. Memantau keadaan pasaran dari semasa ke semasa termasuk gelagat dan struktur pasaran serta kelakuan perusahaan di dalam pasaran yang tertentu bagi mengesan potensi isu persaingan;
5. Menilai permohonan pengecualian penerapan Akta Persaingan berdasarkan kriteria *net economic benefits*;
6. Bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pemberitaan bagi memastikan kefahaman dan kesedaran orang ramai mengenai mandat dan implikasi Akta Persaingan dan mewujudkan *competition compliance culture*;



7. Bertanggungjawab untuk melaksanakan Brunei's *interest* dalam hal-ehwal antarabangsa berkaitan persaingan seperti *ASEAN*, *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA)*, *Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement (RCEP)* dan *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)*; dan
8. Tugas dan tanggungjawab lain yang diarahkan oleh Ketua dan Pegawai-Pegawai Atasan dari semasa ke semasa.

DI BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN STRATEGIK:

1. Membuat kerja-kerja penyelidikan serta penyediaan kerja mengenai isu-isu kewangan dan ekonomi yang berkepentingan;
2. Membuat penelitian dan penilaian termasuk dari segi kewangan dan ekonomi kepada cadangan projek-projek pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta (PPP) yang dihadapkan kepada urusetia Jawatankuasa Khas Pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta (JKPKAS);
3. Mengadakan pemberigaan dan bengkel mengenai pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta kepada pihak berkepentingan;
4. Membuat penelitian dan cadangan dasar termasuk penyediaan garis panduan ke arah pelaksanaan yang berkesan berkaitan dengan projek-projek pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta;
5. Menyediakan dan memantau pelaksanaan pelan strategik Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
6. Membuat penilaian impak bagi inisiatif-inisiatif dan projek-projek di bawah pelan strategik Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
7. Menyediakan laporan impak dan pencapaian pelan strategik Kementerian Kewangan dan Ekonomi; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab lain yang diarahkan oleh pihak atasan.